

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JPS 412 – PEMBELAJARAN MELALUI SENI KREATIF**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Huraikan unsur-unsur penting dalam Pergerakan Kreatif yang berikut:

- (a) Aspek Tubuh Badan
- (b) Aspek Ruang
- (c) Aspek Daya
- (d) Aspek Perkaitan

Huraian perlu dilengkapi dengan contoh yang sesuai.

(25 markah)

2. Kesedaran estetika melibatkan kemampuan seseorang individu menceraap, peka dan sensitif terhadap hasil-hasil ciptaan manusia dan keindahan semula jadi dalam alam sekitar. Kesedaran dan penghargaan terhadap keindahan ini merangkumi elemen-elemen **SIKAP, PROSES dan RESPONS**.

Huraikan elemen-elemen di atas dalam pembinaan estetika kanak-kanak dan remaja.

(25 markah)

3. (a) Berikan definisi improvisasi pergerakan. (5 markah)
- (b) Huraikan EMPAT (4) prinsip improvisasi pergerakan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai untuk mengukuhkan jawapan anda.

(20 markah)

4. Muzik dan pergerakan berperanan membentuk perkembangan kemahiran kanak-kanak dari perspektif psikomotor, perseptif, afektif, kognitif, sosial budaya dan estetika.

- (a) Mengapakah guru perlu mengintegrasikan muzik merentasi kurikulum di dalam bilik darjah?

(15 markah)

- (b) Apakah yang diperlukan oleh guru ketika menggunakan muzik sebagai alat pengajaran akademik di dalam bilik darjah?

(10 markah)